

SOALAN NO. 50

Berdasarkan pemantauan SKMM ke atas harga-harga perkhidmatan telekomunikasi, didapati pelbagai pakej ditawarkan oleh pemberi-pemberi perkhidmatan telekomunikasi. SKMM melihat penurunan harga tahunan demi tahun dan pada masa kini rakyat Malaysia boleh menikmati perkhidmatan jalur lebar pada harga serendah RM25 sebulan bagi 1GB data.

Selain itu, pemantauan berdasarkan Kod Amalan Am Pengguna yang merupakan syarat lesen memastikan hak pelanggan adalah terpelihara. Keuntungan tahunan yang diperoleh oleh syarikat-syarikat telekomunikasi adalah amat penting bagi perkembangan sosio dan ekonomi negara kita. Hasil daripada berkumpulan dana yang sihat daripada keuntungan yang diperoleh, industri dapat melabur kembali ke dalam teknologi infrastruktur rangkaian terkini 4G dan gentian optik ke rumah. Ini seterusnya menyumbang dan menghasilkan perkhidmatan yang lebih baik dan bermanfaat kepada para pengguna. Ekonomi yang sihat juga turut mengundang pelabur-pelabur asing untuk melabur dan menjadikan Malaysia sebagai salah satu hub utama pelaburan di rantau Asia ini.

SKMM sentiasa menjalankan kajian tahap persaingan di dalam pasaran komunikasi dan multimedia dan seterusnya mengambil tindakan yang berpatutan. Salah satu langkah yang diambil oleh SKMM adalah menetapkan kadar borong untuk perkhidmatan tertentu untuk menggalakkan persaingan. Di samping itu, kadar runcit untuk perkhidmatan asas yang diperlukan oleh rakyat seperti kadar panggilan telefon talian tetap adalah ditetapkan pada kadar yang rendah supaya tidak membebankan rakyat.